

Data raya bantu kerajaan beri khidmat lebih cekap

Aplikasi data raya cukup penting ketika era serba moden ini. Sektor kerajaan sebagai contoh, menggunakan jumlah data sangat besar, malah penggunaan data raya memberi peluang kepada agensi kerajaan untuk menjimatkan wang rakyat.

Secara ringkas, manfaat data raya memberi kesan sangat positif kepada kerajaan dengan membantu meningkatkan produktiviti.

Ini juga membolehkan pengguna bekerja dengan cekap dalam pencapaian maklumat, membuat keputusan berdasarkan maklumat terkini dan menyampaikan perkhidmatan lebih baik.

Umumnya, pilihan terbaik dalam kerajaan diterjemahkan kepada memberikan perkhidmatan terbaik untuk rakyat.

Hari ini, banyak agensi kerajaan menyimpan data maklumat peribadi, yang

mana ia boleh diguna pakai kembali dalam pelbagai sektor.

Contohnya dalam urusan mengisi borang yang sudah ada maklumat peribadi, data raya sangat membantu mempercepatkan pemrosesan dan meminimumkan kesilapan kemasukan data.

Jika data ini di simpan di suatu pusat, ia membantu menjadi pemudah cara untuk semua agensi kerajaan mengakses maklumat dari pusat data untuk dikongsikan bersama.

Ini juga membantu mengurangkan ketidakcekapan dan dapat memastikan hanya data tepat digunakan.

Melalui data raya juga, kerajaan dapat menyalurkan maklumat yang betul dan meningkatkan ketelusan, seterusnya membina kepercayaan kepada rakyat mengenai maklumat diberikan.

Rakyat akan memahami data dikumpul kerajaan akan dikembalikan semula kepada mereka untuk mempercepatkan sesuatu proses dengan adanya data raya.

Dari sudut lain, data raya juga mem-

bantu kerajaan dalam membasmi sebarang penipuan atau penyalahgunaan data. Contohnya dalam isu keselamatan jenayah dan aktiviti haram yang akan menimbulkan ancaman keselamatan kepada masyarakat.

Analisis data raya sangat boleh dimanfaatkan untuk mengesan corak tingkah laku normal menjurus kepada aktiviti penipuan. Corak tingkah laku boleh digunakan untuk profil dan parameter statistik bagi mengenal pasti urus niaga meragukan.

Jadi sebagai langkah efektif, kerajaan boleh memantau lebih teliti dengan mengesan awal corak tingkah laku berpandukan data raya.

Data raya juga direka untuk mengoptimalkan penggunaan sistem teknologi maklumat (IT) dan meningkatkan analisis aktiviti kewangan di agensi kerajaan.

Penggunaan optimum data raya boleh menggabungkan data dan analisis untuk mengurangkan kos operasi dan infrastruktur. Selain itu, data raya berupaya meramal keputusan dan senario

model mengenai sesuatu data.

Analisis data raya juga boleh digunakan untuk bertindak balas terhadap bencana alam, mengesan isu kesihatan, mengelak masalah kekurangan air dan menyelaraskan permasalahan isu tempat tinggal bagi penduduk B40.

Konklusinya, manfaat terbesar data raya kepada kerajaan adalah dapat membantu kerajaan tempatan atau agensi lain memahami jurang tenaga kerja diwujudkan apabila pekerja meninggalkan atau bersara.

Oleh kerana kebanyakan agensi kerajaan menyasarkan untuk mempunyai transformasi digital Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0) yang lebih penting, data raya dijangka memainkan peranan signifikan dalam memodenkan penyediaan perkhidmatan kepada rakyat yang lebih cemerlang.

Penulis ialah Pensyarah di FSKTM, Universiti Tun Hussein Onn



**Mazidah
Mat Rejab**